

'Najib minta tidak habis masa lama teliti transaksi'

Saksi diminta fokus cadangan usaha sama dengan PetroSaudi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam, bahawa Datuk Seri Najib Razak meminta beliau supaya tidak menghabiskan masa terlalu lama melihat transaksi syarikat 1MDB yang lalu.

Mohd Bakke ketika disoal balas peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata sebaliknya bekas Perdana Menteri itu meminta beliau memfokus serta meneliti cadangan usaha sama antara syarikat pelaburan strategik negara terbabit dengan PetroSaudi International Ltd (PSI) kerana perkara itu sudah lama dibincang dan keputusan perlu dibuat secepat mungkin.

"Walaupun ada kebimbangan mengenai beberapa isu dikaitkan dengan 1MDB ditimbulkan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) seperti dakwaan berhubung penyelewengan AS\$700 juta, Najib beritahu untuk tidak menghabiskan masa terlalu lama dengan transaksi lalu.

"Disebabkan kata-kata Perdana Menteri ketika itu, saya kemudian berasa cukup selesa untuk menyampaikan perkara berkenaan kepada BOD yang lain bagi meneruskan usaha sama 1MDB-PSI," katanya.

Mohd Bakke berkata, perkara berkenaan disampaikan oleh Najib melalui panggilan telefon selepas bekas Perdana Menteri itu



Najib tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

selesai bercakap dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low, ketika berlangsung Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada September 2009.

Saksi pendakwaan ke-13 itu berkata demikian ketika merujuk kepada mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadapinya dan turut disertai Jho Low yang mana ahli perniagaan terbabit mendakwa menerima panggilan telefon daripada Najib.

Mohd Bakke dalam pernyataan saksi sebelum ini memberitahu mahkamah, Najib tidak membalas satu khidmat pesanan ringkas (SMS) yang memaklumkan mengenai wang AS\$700 juta yang pada asalnya bagi satu usaha sama 1MDB-PSI dilencongkan ke sebuah syarikat lain.

Mohd Bakke berkata, beliau menghantar satu SMS kepada Najib menerusi telefon pintar BlackBerry selepas Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 26 September 2009, untuk memaklumkan lencongan dana AS\$700 juta kepada Good Star Ltd (yang dikaitkan dengan Jho Low), tetapi tidak mendapat balasan daripada bekas Perdana Menteri itu.

Mohd Bakke berkata demikian pada perbicaraan terhadap Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Aral Kanda Kanda-

samy, atas dakwaan meminda laporan akhir pengauditan 1MDB.

Dalam pada itu, Bakke berkata, keterangannya sebelum ini bahawa Jho Low berperanan sebagai koordinator dan mewakili Najib, bukannya setakat tanggapan beliau semata-mata.

"Ia bukan tanggapan saya sahaja. Saya pernah beberapa kali bertemu (Jho Low) ketika saya di pejabat bekas Perdana Menteri (Najib), ketika beliau menjadi Menteri Pertahanan, begitu juga ketika beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya ada bertemu Jho Low di pejabat Najib di Putrajaya.

"Saya juga teringat memberitahu bekas Perdana Menteri bahawa Jho Low meminta saya membantu menubuhkan Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA yang kemudian dikenali sebagai 1MDB). Peranan Jho Low diperkukuhkan lagi dengan mesyuarat yang dihadapinya bersama Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang mahu menubuhkan syarikat pelaburan strategik itu.

"Ia bukan sesuatu perkara yang berlaku secara kebetulan... ini juga bukan lahir daripada satu tanggapan semata-mata, ia diperkukuh dengan kedua-dua pemimpin ini," katanya.

Sementara itu, Hakim Mo-

hamed Zaini Mazlan berkata, pada peringkat itu beliau berasakan seolah-olah berada dalam mahkamah Datuk Collin Lawrence Sequerah (yang mendengar kes penyelewengan 1MDB) berdasarkan soalan peguam yang lebih banyak menyentuh isu penyelewengan dana 1MDB.

Muhammad Shafee menjelaskan, isu berhubung panggilan telefon oleh Najib sebelum ini dibangkitkan oleh pihak pendakwaan, dan pembelaan berhak meyoal balas saksi mengenainya.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), bagi mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadap beliau.

Aral Kanda, 45, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan itu bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Perbicaraan bersambung 12 April ini.

Sementara itu dalam perkembangan berasingan, Mahkamah Tinggi di sini, semalam, mengarahkan Najib memfailkan pernyataan pembelaan dalam kes saman AS\$1.18 bilion yang difailkan SRC International Sdn Bhd terhadap beliau.

Peguam, Lisa Yong yang mewakili SRC, ketika dihubungi berkata, ketika pengurusan kes secara dalam talian di hadapan Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin, mahkamah mengarahkan Najib memfailkan pernyataan pembelaan dalam bahasa Inggeris, semalam, manakala bahasa Melayu pada 4 April ini.

"Mahkamah juga mengarahkan plaintiff (SRC) memfailkan jawapan kepada pernyataan pembelaan pada 13 Mei ini," katanya sambil menambah pengurusan kes selanjutnya ditetapkan pada 18 Mei.